

KERATIAN AKHBAR
(Bahagian Canselor)

Surat khabar: Utusan Sarawak (Tempatan)
Hari/Tarikh: 29/3/2016
Muka surat: 4

Tajuk : Shell MDS dan UNIMAS kukuh usahawaja

Shell MDS dan UNIMAS kukuh usahasama

DIYANA SAMSUDDIN

KUCHING: Usahasama Shell Middle Distillate Synthesis (Shell MDS) Sdn Bhd dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) terus kukuh melalui perkongsian kepakaran yang memberi manfaat kepada dua belah pihak.

Pengarah Urusan MDS, Liang Kok Siang berkata kerjasama pihaknya dengan UNIMAS dalam beberapa perkara telah dijalin sejak tahun lepas lagi.

"Kita (Shell MDS) dengan UNIMAS telah menjalin kerjasama sejak tahun lepas dalam pembangunan prasiswazah dan pascasiswazah UNIMAS dan usaha yang kita lakukan menjurus kepada peluang kerjaya termasuk peningkatan kemahiran insaniah dan pendedahan kepada prospek kerja di Shell," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menandatangani

MoU dengan UNIMAS yang diwakili Naib Canselor, Prof Dato Dr Muhammad Kadim suaidi sambil disaksikan Setiausaha Kerajaan Negeri, Tan Sri Datuk Amar Mohamad Morshidi Abdul Ghani di Kompleks Wisma Bapa Malaysia semalam.

Beliau menjelaskan kerjasama penyelidikan dan pembangunan teknologi di harap dapat memberi keuntungan kepada kedua-dua pihak.

"Dengan termeterainya MoU ini, kita berharap kerjasama ini kukuh serta memberi manfaat kepada Shell dan unimas dalam usaha pembangunan dan projek," ujarnya.

Liang memberitahu, pihaknya turut mewujudkan peluang latihan untuk kakitangan dan pelajar yang layak.

Tambahnya, Shell juga menyediakan anugerah khas kepada pelajar-pelajar yang mendapat pencapaian cemerlang.



TERMETERAI ... Tan Sri Datuk Amar Morshidi Ghani menyaksikan pertukaran dokumen di antara UNIMAS diwakili Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Suaidi dan SMDS Sdn.Bhd, diwakili Tom Wong serta Jonathn Jolly, dalam satu majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) di antara UNIMAS dan Shell MDS (Malaysia) Sdn.Bhd, di Tingkat 20, Wisma Bapa Malaysia, Petra Jaya, di Kuching, semalam. • FOTO: AWANG KUSHAIKY JUNAIDI

Disediakan oleh: Olivia Ajan
Bahagian Canselor